



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### **Kemudahan Perbelanjaan Perubatan Untuk Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009**

**( Kuat Kuasa Pada 30 Oktober 2019 )**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>PK 7.17 PERBELANJAAN KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 21 TAHUN 2009 .....</b>	<b>3</b>
<b>1. Latar Belakang .....</b>	<b>3</b>
<b>2. Takrifan .....</b>	<b>3</b>
<b>3. Kaedah Dan Had Nilai .....</b>	<b>3</b>
<b>4. Syarat Perolehan .....</b>	<b>4</b>
<b>5. Pesanan Kerajaan .....</b>	<b>4</b>
<b>6. Surat Setuju Terima .....</b>	<b>5</b>
<b>7. Bon Pelaksanaan.....</b>	<b>5</b>
<b>8. Dokumen Perjanjian.....</b>	<b>5</b>
<b>9. Tarikh Kuat Kuasa.....</b>	<b>5</b>

**PK 7.17 PERBELANJAAN KEMUDAHAN PERUBATAN UNTUK PEGAWAI DAN PESARA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 21 TAHUN 2009**

**1. Latar Belakang**

- 1.1. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP Bil.21/2009) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan peraturan berkaitan permohonan perbelanjaan bagi kemudahan perubatan kepada pegawai, pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan serta ahli keluarga dan ibu bapa mereka yang berkelayakan.
- 1.2. PP Bil.21/2009 juga memperuntukkan tanggungjawab kepada Ketua Jabatan untuk memastikan pembayaran yang dibuat kepada pemohon adalah mematuhi tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- 1.3. Sebagai langkah untuk mempercepatkan lagi tindakan Kerajaan berhubung perkara ini, Pekeliling Perbendaharaan: Perolehan Kerajaan (PP/PK7.17) ini adalah bagi membolehkan perolehan berkaitan kemudahan perubatan tersebut dapat disegerakan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP Bil.21/2009.

**2. Takrifan**

Agensi hendaklah merujuk kepada tafsiran bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, ahli keluarga dan ibu bapa yang berkelayakan sebagaimana diperuntukkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan PP Bil.21/2009.

**3. Kaedah Dan Had Nilai**

- 3.1. Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus **berdasarkan had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus** seperti berikut:

Bil	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM250 ribu	Ketua Jabatan (seperti mana tafsiran dalam PP Bil.21/2009)
2.	Melebihi RM250 ribu	Pegawai Pengawal

- 3.2. Agensi hendaklah sentiasa merujuk kepada Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan PP Bil.21/2009 bagi memastikan kemudahan bantuan perubatan yang ingin diperolehi adalah berdasarkan kelayakan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan, ahli keluarga atau ibu bapa masing-masing.

#### **4. Syarat Perolehan**

- 4.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- 4.2 Perolehan hendaklah dibuat melalui fasiliti kesihatan Kerajaan Persekutuan sahaja serta bayaran dibuat melalui pindahan peruntukan atau tuntutan oleh fasiliti kesihatan berkenaan.
- 4.3 Mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam PP Bil.21/2009.
- 4.4 Tatacara rundingan harga bagi perolehan ubat dan peralatan perubatan bagi kemudahan perbelanjaan perubatan untuk pegawai, ahli keluarga dan ibu bapa yang berkelayakan adalah dikecualikan. Walau bagaimanapun, pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi memberi nilai faedah terbaik kepada Kerajaan.
- 4.5 Kajian pasaran bagi perolehan ini adalah dikecualikan bagi perolehan ubat/peralatan perubatan daripada syarikat pembekal tunggal.

#### **5. Pesanan Kerajaan**

- 5.1 Bagi perolehan ini, Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 176.1(d) atau (e) atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) minggu selepas perkhidmatan/pembekalan diterima. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

**6. Surat Setuju Terima**

- 6.1 Agensi diberi pengecualian daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan ini tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

**7. Bon Pelaksanaan**

- 7.1 Agensi diberi pengecualian daripada mengenakan Bon Pelaksanaan bagi perolehan ini tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

**8. Dokumen Perjanjian**

- 8.1 Agensi dikecualikan daripada mengadakan dokumen perjanjian bagi perolehan ini. Walau bagaimanapun, terma dan syarat bagi perkhidmatan/pembekalan tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan.

**9. Tarikh Kuat Kuasa**

- 9.1. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 30 Oktober 2019 dan hendaklah dirujuk bersekali dengan Pekeliling Perkhidmatan berkaitan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Untuk Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkuat kuasa.